

# Cedera akibat letupan gas

Oleh **SAFINA RAMLI**  
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 18 OGOS

**S**UASANA tenang di tingkat 20 Pangsapuri Green Garden, Jalan Paya Terubong bertukar cemas apabila berlaku letupan di sebuah unit di pangsapuri berkenaan hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8 pagi itu, mangsa, Lee Kok Eang, 62, melecur hampir 80 peratus di badan akibat kejadian itu dipercayai berpunca daripada kebocoran gas.

Anak lelaki Kok Eang, Lee Chye Soon, 38, berkata, ketika kejadian dia dan isteri serta anak mereka sedang tidur di dalam bilik manakala bapanya berada di ruang tamu.

"Tiba-tiba saya terdengar bunyi letupan kuat dan sebaik sahaja keluar dari bilik saya lihat bapa telah cedera,

manakala pemetik api dan rokok berada berhampirannya.

"Ketika itu saya terbau gas yang kuat dan terus mencabut kepala hos yang bersambung pada gas kerana bimbang kejadian lebih buruk berlaku.

"Saya tinggal di sini bersama bapa sejak 15 tahun lalu dan tidak pernah berlaku kejadian sebegini. Saya bersyukur kerana isteri serta anak tidak cedera," katanya disini.

Dalam pada itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkata, setakat ini punca letupan masih disiasat.

"Ketika tiba di rumah tersebut, kami dapati sebahagian dinding rumah di bahagian bilik runtuh. Kesan daripada letupan tersebut juga terkena pada rumah sebelah menyebabkan keretakan pada dinding rumah berkenaan," katanya.



**PENDUDUK** rumah pangsas Desa Green, Jalan Paya Terubong, Ayer Itam memerhatikan serpihan batu-bata sebuah unit rumah pangsas di Tingkat 20 yang jatuh ekoran kejadian letupan, semalam.